

Bagaimana detik perdebatan mula tercetus

BH 9 NOV 1969

KUALA LUMPUR, Khamis — Tuduhan Naib Presiden Pas, Haji Hadi Awang dalam majalah luar negeri 'Asiaweek' Ogos lalu' bahawa Umno "terlalu sombong dan angkuh" untuk mengadakan dialog terbuka mengenai isu-isu mencababkan Islam memulakan isu debat Umno-Pas.

Apabila diminta mengulas oleh pemberita sewaktu merasmikan mesyuarat tahunan Koop Bersatu di Subang Jaya pada 25 Ogos, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Umno bersedia mengadakan perdebatan terbuka di televisyen dengan Pas.

"Umno sedia melantik wakilnya ke majlis itu dan segala perbincangan disiarkan menerusi televisyen ke seluruh negara jika mereka mahu," ujar beliau yang juga Presiden Umno.

Pada hari yang sama, Setiausaha Agung Pas, Haji Hassan Shukri menerima tawaran itu dengan menyatakan Pas bersedia berdebat dengan para pemimpin Umno dan Barisan Nasional bagi menelakkan sama ada benar pemimpin Pas memutarbelitkan ayat al-Quran.

Perkara itu senyap begitu sahaja dan limbud semula dengan hangatnya selepas sambutan ulangtahun Hari Kebangsaan.

Pelbagai pihak mula memperkatakan soal debat itu ada yang bersejua dan ada yang me-

mentang.

Pada 15 September, Perdana Menteri mengumumkan bahawa Umno telah bersedia untuk mengadakan debat yang akan disiarkan secara langsung menerusi televisyen dengan tajuk "Dak I...., n Pas bahawa orang Um no adalah kafir."

Katanya, Pas hanya perlu menyatakan perseutujuan dan Umno akan mengaturnya pada bila-bila masa sahaja.

Bersedia

16 September — Haji Hassan Shukri meminta Umno mengatur segera perdebatan itu dan disiarkan secara langsung menerusi televisyen tanpa menunggu persetujuan parti itu.

19 September — Persatuan Ulama Malaysia meminta Umno dan Pas memikirkan semula kesannya yang terpaksa ditanggung oleh semua pihak jika mereka meneruskan nial mengadakan perdebatan mengenai Pas menuduh Umno kafir.

Ia mengesyorkan supra-

ya musynwarah atau perbincangan diadakan sebagai cara terbaik untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit antarakedua pihak.

4 Oktober — Umno menerima secara rasmi surat Pas yang membangkangkannya hendak menyertai debat.

13 Oktober — Pas memilih Naib Presidennya, Haji Hadi Awang mengetuai parlinya dalam perdebatan dengan Umno.

16 Oktober — Tarikh debat ditelapkan pada 11 November dengan tiap-tiap parti mengemukakan tiga penceramah. Tajuknya berkisar kepada apa yang dikatakan amanat Haji Hadi Awang iaitu "Pas menuduh Umno kafir dan barang siapa yang menentanginya jika mahu, akan mati syahid."

17 Oktober — Umno melantik Naib Presidennya, Datuk Amar Haji Wan Mokhtar Ahmad sebagai ketua pendebatannya.

28 Oktober — Pas menamakan Naib Presidennya, Haji Nakhai Ahmad dan ahli jawatan-

kuasapusat, Haji Harun Taib sebagai dua lagi anggota pendebat.

31 Oktober — Umno pula mengumumkan pemilihan Ketua Pemuda, Encik Anwar Ibrahim dan ahli Parlimen Kuala Nerus, Haji Ibrahim Azmi Hassan sebagai dua lagi pendebatannya.

7 November — Menteri Penerangan, Daluk Rais Yatim mengumumkan bahawa Penyimpan Mochor Besar Raja-Raja, Datuk Ahmad Zainal Abidin Yusof akan mengeluarkan satu kenyataan mengenai perdebatan itu menerusi televisyen hari ini.